



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

### Khutbah Bulan November

2021M/ 1443H

TARIKH	TAJUK	Bil.
5 November 2021M/ 29 Rabiulawwal 1443H	<b>TAKUT YANG TERHAKIS</b>	.1
12 November 2021M/ 7 Rabiulakhir 1443H	<b>JAUHI AQIDAH YANG SESAT</b>	.2
19 November 2021M/ 14 Rabiulakhir 1443H	<b>CARI YANG HALAL, HINDARI YANG HARAM</b>	.3
26 November 2021M/ 21 Rabiulakhir 1443H	<b>TENANG TANPA HUTANG</b>	.4
	Khutbah Kedua	



زكاة فولاو قينع

No. Telefon: 04-549 8088

---

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
- 3. Ustaz Rosli bin Othman**  
Ketua Sektor Pendidikan Islam,  
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP)
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## CARI YANG HALAL, HINDARI YANG HARAM

( 19 November 2021M/ 14 Rabiulakhir 1443H )

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي حَكَمَ فَأَخْرَجَ وَحَلَّ وَحَرَمَ وَفَقَهَ فِي دِينِهِ وَفَهَمَ.  
اَشْهُدُ اَنَّ لَا إِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ اَنْزَلَ هُدًاهُ لِجَمِيعِ الْأَمْمِ،  
وَأَشْهُدُ اَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوتُ رَحْمَةً لِلنَّارِ وَالْعَجَمِ.  
صَلَّى اللّٰهُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اَللّٰهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ اهْتَدَى هُدًاهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، اُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقُوا اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib ingin memperingati diri sendiri dan sidang Jumaat sekalian agar sentiasa bertaqwa pada Allah dengan sebenar-benar taqwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya insan yang bertaqwa sahaja yang akan memperolehi kemenangan dan kebahagiaan di dunia dan diakhirat.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan agar kita tinggalkan segala perbuatan lagha dan bertentangan dengan sunnah iaitu tindakan yang

memesongkan perhatian dari mendengar khutbah. Perbuatan tersebut termasuklah berbual-bual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**CARI YANG HALAL, HINDARI YANG HARAM.**”

## **SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,**

Islam telah pun meletakkan garis panduan yang perlu diamalkan oleh setiap orang beriman dalam mencari rezeki sama ada sebagai penjawat awam, pekerja sektor swasta mahupun bekerja sendiri. Hal ini bagi memastikan setiap pekerjaan mendatangkan hasil dalam bentuk rezeki yang halal dan yang lebih penting mendapat keredhaan Allah SWT. Dengan redha-Nya, bukan sahaja menjana rezeki yang halal, bahkan barakah yakni membawa kebaikan yang melimpah-ruah. Inilah yang menjadi rahsia bagi orang yang beriman. Walaupun berpendapatan kecil, namun hidupnya tenang malah rezekinya sentiasa terasa cukup. Firman Allah dalam Surah al-A'raf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ عَامَّنُوا وَأَتَقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ  
كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ۖ

Maksudnya: “Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka

dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”

Namun hakikatnya melalui paparan media, ada yang sanggup mengambil rasuah, membuat tuntutan palsu dan seumpama dengannya semata-mata bagi mendapat keistimewaan yang diberikan oleh organisasi untuk kesenangan diri sendiri. Ada juga pihak yang tidak layak untuk mendapat bantuan seperti bakul makanan, gerobok rezeki, bantuan kerajaan, zakat, bantuan Covid-19 dan sebagainya tetapi mengambil kesempatan di atas peluang yang dibuka.

Ingatlah setiap penipuan itu akan memberi kesan pada diri dan keluarga sesuai dengan hadis yang diriwayatkan *Tsauban* ﷺ dia berkata, Rasulullah ﷺ bersabda:

لَا يَزِيدُ فِي الْعُمُرِ إِلَّا أَبْرُ وَلَا يَرُدُّ الْقَدَرَ إِلَّا الدُّعَاءُ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيُحْرَمُ الرِّزْقَ بِالذَّنْبِ  
يُصِيبُهُ

Maksudnya: “Tiada sesuatu yang boleh menambah umur kecuali kebijakan dan tiada sesuatu boleh menolak takdir kecuali doa. Sesungguhnya seseorang akan terhalang daripada rezeki oleh sebab dosa yang dia lakukan.”

*(Hadis Riwayat Ibnu Majah)*

## **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,**

Rezeki tidak semestinya diperolehi dalam bentuk wang ringgit bahkan rezeki hadir dalam pelbagai bentuk dan cara termasuklah rasa قناعهً (cukup), jiwa yang tenang, sihat tubuh badan dan sebagainya. Usah gusar dengan ketentuan Allah

kerana setiap rezeki telah ditetapkan buat kita. Sebagai manusia kita wajib berusaha untuk mencarinya dan yang paling penting usah sesekali menipu untuk mendapatkan hak yang bukan milik kita.

Di atas mimbar yang mulia ini, khatib ingin bawakan satu kisah yang dipetik dalam kitab إعائة الطالبین oleh Imam Abu Bakar Ad-Dimyati:

Ketika di zaman Rasulullah ﷺ, ada seorang sahabat yang bernama Abu Dujanah. Seorang Ansar yang kurang berada dan mati syahid dalam perang Yamamah. Setiap hari selepas solat Subuh, beliau akan tergesa-gesa untuk beredar dari masjid. Melihat gelagat ini, Rasulullah bertanya dan Abu Dujanah menyatakan bahawa jiran sebelah rumahnya mempunyai pokok kurma yang tinggi menjulang.

Setiap malam, buah kurma itu jatuh di kawasan rumahnya. Beliau perlu segera balik sebelum anak-anaknya bangun dari tidur. Beliau akan kumpulkan kurma tersebut dan dikembalikan kepada pemiliknya. Pada satu hari, beliau terlambat pulang. Sesampainya di rumah, dilihat anaknya sedang mengunyah kurma basah yang jatuh. Lantas beliau terus memasukkan jari ke dalam mulut si anak dan terus mengeluarkan apa yang ada lalu dikatakan pada anaknya:

*"Anakku.. janganlah engkau malukan ayahmu di akhirat kelak dengan harta haram yang ada dalam perutmu dan aku akan keluarkan segalanya. Ya Rasulullah, anakku menangis kerana sangat lapor."*

Kisah ini menyebabkan Rasulullah mengalirkan airmata Baginda yang mulia. Justeru mimbar ingin mengajak semua jemaah agar dapat kita contohi kisah Abu Dujanah yang sangat menjaga diri dan keluarga dari perkara yang *syubhah* dan haram.

### **JEMAAH YANG DISAYANGI ALLAH SEKALIAN,**

Sanggupkah kita memberi makan dan minum pada ahli keluarga kita dari sumber yang haram? Ingatlah peringatan yang Rasulullah rakamkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ka'ab bin 'Ujrah رضي الله عنه, sabda Rasulullah ﷺ :

**لَا يَرْبُو لَحْمُ نَبْتَ مِنْ سُحْتٍ إِلَّا كَانَتِ النَّارُ أَوَّلَى بِهِ**

Maksudnya: Daripada Kaab bin Ujrah رضي الله عنه katanya, Rasulullah ﷺ bersabda: “*Tidaklah daging manusia tumbuh dari barang yang haram kecuali neraka lebih berhak baginya*” (Hadis Riwayat Al-Tirmizi)

### **JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kesimpulan dari khutbah yang disampaikan pada hari ini adalah:

**Pertama:** Mencari yang halal itu wajib bagi setiap muslim. Jangan mencari keuntungan dunia sehingga sanggup melakukan yang haram.

**Kedua:** Harta yang haram akan menumbuhkan daging yang menjadi bahan bakaran api neraka، وَالْعِيَادُ بِاللَّهِ.

**Ketiga:** Sesungguhnya rezeki yang halal akan membawa keberkatan di dunia dan di akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُواتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ

عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya: “Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةَ التَّاءِيْنَ.



## Khutbah Kedua Bulan November 2021M/ 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَّ الَّذِي الْأَمِينُ، وَعَلَى إِلَهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِإِمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُوكَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى الْئَيْتَىٰ يَأْتِيهَا الْأَذْنِينَ ءَامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ﴿٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا وَأَصْلِحْ أَمَمَنَا وَوُلَادَةَ أُمُورِنَا وَاسْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَائِيتكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in

Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَصَاحِبِ الْفَخَامَةِ

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ اكْشِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحَنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلْدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna.*

اللَّهُمَّ قَوْ إِيمَانَنَا، وَوَحْدَ صُفُوفَنَا، وَاجْمَعْ قُلُوبَنَا عَلَى مَحِبَّتِكَ وَنُصْرَةِ شَرِيعَتِكَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

سُبْحَانَ رَبِّ الْعَزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

(﴿سورة الصافات﴾)